

ESTETIKA LAGU-LAGU DIKIR BARAT HALIM YAZID DALAM PEMBENTUKAN NILAI DAN NORMA BUDAYA MASYARAKAT MELAYU

SAMSURING BIN MELI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2007

**ESTETIKA LAGU-LAGU DIKIR BARAT HALIM YAZID DALAM
PEMBENTUKAN NILAI DAN NORMA BUDAYA
MASYARAKAT MELAYU**

SAMSURING BIN MELI

(M2006 1000104)

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
PENDIDIKAN KESUSASTERAAAN MELAYU**

**JABATAN KESUSASTERAAAN MELAYU
FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM, PERAK
OKTOBER 2007**



PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan- ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

20. 10. 2007



SAMSUDDIN BIN MELI

M20061000104



**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
PROGRAM KESUSASTERAAN MELAYU**

**ESTETIKA LAGU-LAGU DIKIR BARAT HALIM YAZID DALAM
PEMBENTUKAN NILAI DAN NORMA BUDAYA
MASYARAKAT MELAYU**

OLEH

SAMSURING BIN MELI



**Latihan ilmiah ini telah diterima oleh Program Kesusasteraan Melayu untuk
memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Pendidikan
(Kesusasteraan Melayu) dengan kepujian pada sesi 2006/2007.**

.....
Penyelia

.....
Tarikh

.....
**Ketua
Jabatan Kesusasteraan Melayu**

.....
Tarikh





PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Syukur Al-hamdulillah ke hadrat Ilahi dan selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W kerana dengan izinNya dapatlah juga saya menyiapkan latihan ilmiah ini.

Terima kasih yang tidak terhingga saya rakamkan kepada penyelia yang sangat saya hormati Dato' Dr. Mohd Rosli bin Saludin atas galakan, teguran, dorongan dan bimbingannya dalam menyiapkan latihan ilmiah ini. Rakaman terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah yang banyak memberi ilmu dan sahabat seperjuangan yang banyak memberikan semangat semasa di UPSI.

Teristimewa kepada yang lebih memahami diri ini, ayahanda Meli b.Jusoh, ibunda tercinta Siti Fatimah bte Berahim. Tanpa kalian siapalah diriku. Buat isteri yang banyak berkorban untuk melihat kejayaanku demi kebahagiaan bersama serta menyayangi diriku, Juwariah bte Muda bersama permata-permata hatiku Nurul Najiha Syuhada, Nurul Najwa Syahida dan Muhammed Najhan El-Syahideen, papa amat menyintai kalian. Terima kasih atas segala pengertian dan pengorbanan yang telah dicurahkan sepanjang papa berjuang untuk mengejar cita-cita papa. Semoga kebahagiaan kita akan berkekalan dan berbunga segar mewangi mengiringi kebahagiaan kita sepanjang masa.

Akhir sekali buat peniup semangat juangku, kekanda Mazulniah, adinda Norsarani, Suzana, Khairul Azwa, Mohd Nazzri, Izzuddin, Zukaidi dan Zukhairi Meli. Berjanjilah kita akan bersama selamanya. Tidak lupa juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat mertua, Muda b Ibrahim dan Wan Munah bte Ali serta kekanda Mariam, Ramlah dan Muhamad, keakraban dan kasih sayang telah mengeratkan perhubungan membuatkan kita semakin dekat walaupun dipisahkan oleh jarak yang jauh.

Wassalam,

SAMSURING B MELI
JABATAN KESUSASTERAAAN MELAYU
FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM, PERAK DARUL RIDZUAN.





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat unsur-unsur estetika dan simbolik dalam persembahan dikir barat Kelantan iaitu mengkaji apakah simbol-simbol yang dapat diterjemahkan melalui struktur dalam persembahan dikir barat yang diaplikasi dalam kehidupan nilai dan norma masyarakat Melayu. Penelitian telah dikhususkan terhadap lagu-lagu nyanyian dikir barat Halim Yazid. Unsur-unsur keindahan melalui penonjolan sastera tradisional dan sastera moden yang berkait rapat dengan nilai dan norma masyarakat Melayu yang cukup tinggi nilainya di samping melihat perubahan dalam dikir barat yang dibawa oleh Halim Yazid. Kaedah kajian melalui penyelidikan perpustakaan dan mengkaji 50 buah lagu-lagu dikir barat Halim Yazid dalam lima buah album yang dihasilkannya dan akhir kajian diutarakan cadangan untuk memperkasakan lagi dikir barat di mata masyarakat.





ABSTRAC

This research has been done is for seek the esthetics and symbolics in the performance of 'dikir barat' in Kelantan. Writer is searching the symbols which is can be interprate by structures in 'dikir barat' than adapted in values and norms in Malay living. Research also done especially to the lyrics of Halim Yazid 'dikir barat' songs. The aesthetics through expose the traditional dan modern literature which is very close to Malay values and norms. The research also purposely to see the changes in 'dikir barat' by Halim Yazid. The method of research are by doing libraries and studies the 50 songs of Halim Yazid through his five albums. The end of this thesis, the writer gives some suggestions to developt the 'dikir barat' to public.



KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
PENERIMAAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii-ix

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1	:	Pengenalan	1-9
1.2	:	Pernyataan Masalah	10-12
1.3	:	Kepentingan Kajian	13-16
1.4	:	Objektif Kajian	16-17
1.5	:	Batasan Kajian	17-20
1.6	:	Definisi Istilah	20-28
1.7	:	Kesimpulan	28-29

BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR

2.1	:	Pengenalan	30-31
2.2	:	Dikir Barat Sebagai Sastera Tradisional	31-38



2.3	:	Nilai dan Norma Budaya Dalam Masyarakat Melayu	39-42
		2.3.1 Nilai Budi Dalam Budaya Masyarakat Melayu	42-48
		2.3.2 Peranan Nilai dan Budaya Dalam Pembentukan Masyarakat	48-60
2.4	:	Keindahan Bahasa dan Teori Semiotik	60-61
		2.4.1 Sejarah Perkembangan Semiotik	62-63
		2.4.2 Konsep dan Prinsip Semiotik	63-64
		2.4.3 Pendekatan Semiotik	65-67
2.5	:	Kesimpulan	68
 BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN			
3.1	:	Pengenalan	69-70
3.2	:	Reka bentuk Kajian	70-71
3.3	:	Populasi Kajian	72-76
3.4	:	Kesimpulan	77
 BAB 4 : ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN			
4.1	:	Pengenalan	78-79
4.2	:	Unsur-unsur Sastera Tradisional Dalam Lagu-lagu Dikir Barat Halim Yazid	80-102
4.3	:	Gambaran Nilai dan Norma Masyarakat Melayu Dalam Lagu-lagu Dikir Barat Halim Yazid	103-111
4.4	:	Unsur-unsur Sastera Moden dalam Lagu-lagu Dikir Barat Halim Yazid	112-126
4.5	:	Penerapan Nilai-nilai Ilmu	127-138



**BAB 5 : RUMUSAN**

5.1	:	Pendahuluan	139-140
5.2	:	Rumusan Kajian	140-141
5.3	:	Saranan	142-143
5.4	:	Kesimpulan	144

BIBLIOGRAFI	145-150
--------------------	----------------

LAMPIRAN	151
-----------------	------------



BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dikir barat merupakan satu kesenian rakyat Melayu yang cukup popular di Malaysia. Ia menjadi identiti kebudayaan bagi rakyat negeri Kelantan dan amat sinonim dengan lagu Wau Bulan. Dikir barat bukan sahaja dituturkan atau dipersembahkan oleh golongan dewasa bahkan dalam kalangan pelajar sekolah melalui pertandingan dikir barat anti dadah, juga melalui pertandingan dendang rakyat oleh Radio Televisyen Malaysia setiap tahun.



Walaupun dikir barat bukannya kesenian asal rakyat negeri Kelantan tetapi dikatakan berasal dari Pattani Thailand pada awal 1940-an, kemudian ianya telah diangkat dan diiktiraf sebagai kesenian rakyat Kelantan oleh semua warganya. Dikir berasal dari perkataan zikir iaitu pengucapan puji-pujian secara lisan secara beramai-ramai dalam konteks dikir barat ialah pengucapan pantun dan syair yang indah dan menyeru kepada kebaikan sebagai sumber pendidikan dalam bentuk hiburan, ianya dilakukan secara berkumpulan.

Asal-usul dikir barat adalah sebahagian dari sifat sastera rakyat kerana ia termasuk dalam kategori cerita asal-usul. Ada beberapa pendapat tentang asal-usul dikir barat yang mempunyai versi yang berlainan iaitu:



i. Dikir Barat Berasal dari Pattani Thailand

Melalui Hikayat Pattani dan Hikayat Merong Mahawangsa, negeri Kelantan mempunyai pertalian politik yang amat rapat dengan Kerajaan Pattani Thailand. Ia terbukti dengan panggilan barat iaitu kedudukan kerajaan Pattani di bahagian barat negeri Kelantan manakala penggunaan loghat bahasanya juga hampir sama.





Di Pattani, dikir barat dikenali sebagai dikir karut dan masih popular sehingga kini. Orang yang mula-mula memperkenalkan dikir barat di Kelantan ialah Mat Leh Tapang atau nama sebenarnya Haji Mat Salleh bin Haji Ahmad dari Kampong Tapang, Pasir Mas Kelantan yang turut mengakui membawa dikir barat ini berasal dari Pattani pada tahun 1941. Pada awalnya dikir barat bukanlah dalam bentuk pantun sebelum diperkenalkan oleh Mat Leh Tapang, sebaliknya ianya dalam bentuk riwayat atau cerita. (Ghazali Abdullah, 1995 : 46)

ii. Dikir Barat Berasal dari Narathiwat Thailand



Satu lagi pendapat mengatakan bahawa dikir barat ini berasal dari Pulau Kerengga Narathiwat yang dibawa oleh seorang penyeludup barang pada tahun 1931 yang bernama Pak Sa. Beliau telah ditangkap oleh pihak berkuasa dan akhirnya dipenjarakan selama setahun. Untuk menghilangkan rasa sunyi kerana berjauhan daripada keluarga maka beliau telah mengarang lagu-lagu dikir barat. (Ghazali Abdullah, 1995 : 45)





iii. Dikir Barat Berasal dari Pulau Tebu Selatan Thailand

Ada pendapat lain yang merujuk dikir barat juga terdapat dan berasal dari sebuah perkampungan di Selatan Thailand iaitu Pulau Tebu dan dibawa ke Kelantan oleh seorang bernama Hussin Mok Nah dengan menggunakan rebana besar sebagai alat muzik iringannya. (Jasman Ahmad dan Siti Zainon, 1996 : 3)

Dari dua pendapat tersebut dapatlah disimpulkan bahawa dikir barat memang berasal dari Thailand tetapi tarikh dan lokasi sebenar yang nyata tidak dapat dipastikan dengan tepat, namun begitu persamaan dailek rakyat Kelantan dan Selatan Thailand merupakan bukti yang paling jelas dan ia disokong oleh sejarah perhubungan Kelantan – Pattani pada awal pemerintahan kerajaan Kelantan pada abad ke-16 . Dikir barat merupakan sastera rakyat dan tradisi lisan bagi rakyat Kelantan yang menggunakan medium percakapan untuk dikembangkan. Sehingga kini terdapat beberapa pendikir yang popular dari Thailand yang mengadakan persembahan di Kelantan antaranya Dollah Tok Deh, Badol Thailand dan Draman Anak Keli dan beberapa pendikir dari Selatan Thailand yang masyhur kepada rakyat Kelantan pada era 1970-an sebelum mereka meninggal dunia seperti Mat Yeh, Pak ku Mat dan Sudin Pok Wo merupakan guru dan ikon kepada pendikir-pendikir Kelantan selepasnya.





Namun begitu pendapat – pendapat lain tentang asal – usul dikir barat adalah tidak relevan dan tidak dapat dibuktikan iaitu pendapat yang mengatakan dikir barat berasal dari Baghat, Selatan India dan dari Kampong Gayo, Aceh Tengah sukar untuk diterima oleh penggiat-penggiat dan pengkaji dikir barat di Kelantan kerana ia merupakan cakap mulut yang tidak meyakinkan .

Dalam persembahan dikir barat terdapat empat komponen yang utama yang saling melengkapi antara satu sama lain. Sekiranya salah satu daripadanya tiada maka persembahan dikir barat tidak dapat dilaksanakan. Hirarki kedudukan komponen tersebut adalah seperti berikut:

- i. Juara atau Tok Jogho yang berfungsi sebagai perancang dan ketua bagi persembahan. Beliau merupakan seorang yang disegani oleh komponen-komponen yang lain. Tugas juara ialah memulakan persembahan dengan mengutarakan tema utama persembahan pada hari tersebut. Juara kebiasaannya menggunakan sama ada syair, gurindam, nazam atau pantun dengan suara yang merdu dan syahdu. Mengikut pendapat Halim Yazid (1993), istilah Juara bagi masyarakat Kelantan adalah pakar dalam sesuatu bidang. Dalam konteks ini Juara adalah pakar dalam mencipta lirik mengikut tema yang telah dirancang awal sebelum persembahan dan beliau juga seorang yang mahir dalam berlagu serta mempunyai suara yang memukau penonton.



Omar Farouk Bajunid, (1989 : 11) pula berpendapat, Juara ialah orang yang mendahului sesuatu persembahan dan diangkat sebagai pemimpin bagi kumpulan beliau. Dalam konteks ini juara ialah orang yang memegang kuasa untuk menentukan bila persembahan boleh dimulakan, beliau adalah orang yang akan memulakan dikir barat dan memberikan arahan kepada pengikut-pengikutnya yang terdiri dari tukang karut, awak – awak dan pemuzik selain berfungsi sebagai perantara dengan pihak - pihak lain yang berkaitan dengan persembahan. Di antara Juara yang cukup popular di negeri Kelantan ialah Aripin Ana, Salleh Jambu , Daud Bukit Abal dan Jusoh Kelong .

ii.

Tukang Karut pula memainkan peranan sebagai pengulas kepada tema persembahan dan juga sebagai penghibur melalui lawak jenaka, berpantun, menyanyi dan bercerita. Tukang karut menggunakan kepakarannya untuk menarik perhatian penonton. Adakalanya tukang karut berbalas pantun secara berpasangan samada berdua atau bertiga. Menurut Halim Yazid (1993), bagi masyarakat Kelantan, karut merupakan sesuatu yang tidak teratur atau tanpa disusun terlebih dahulu atau pengucapan spontan mengikut rentak lagu tertentu.

Dengan kata lain Tukang karut ialah pakar dalam pantun spontan mengikut tema yang telah dipersetujui bersama. Omar Farouk Bajunid, (1989 : 10) menyifatkan tukang karut adalah orang yang memainkan peranan yang sangat penting dalam sesuatu persembahan dikir barat, baik atau tidak sesuatu persembahan dikir barat itu bergantung kepada kemahiran tukang karut dan setiap tukang karut mempunyai gelaran namanya yang tersendiri sebagai tanda pengenalan.

Antara tukang karut tersohor di negeri Kelantan ialah Pok Leh Tapang, Seman Wau Bulan, Dollah Tok Deh, Ismail Gunung-Ganang dan Awang Ikan Duyung. Asmad, (1990 : 58) menyatakan bahawa keistimewaan tukang karut dan juara dalam dikir barat adalah sama dengan watak orang muda atau hero dan heroin atau primadona dalam seni bangsawan pada masa dahulu.

- iii. Awak – awak adalah perkataan yang merujuk kepada pengikut atau anak-anak kapal dalam sesebuah bot nelayan manakala dalam konteks dikir barat pula awak awak ialah orang yang akan mengikut korus syair atau pantun yang disebut oleh juara dan tukang karut disamping bertepuk tangan serta membuat gerak tari yang bersesuaian dengan tema dan pantun yang diungkapkan. Kebiasaannya awak – awak terdiri daripada 15 hingga 25 orang dalam sesuatu persembahan yang tergolong dalam pelbagai peringkat umur terutamanya golongan

pemuda. Kehebatan Awak-awak adalah bergantung kepada keharmonian dan kesepaduan suara mereka ketika menyanyi korus, persamaan bunyi tepukan tangan, keselarasan gerak dan ketinggian nada suara (Halim Yazid, 1993 : 40).

Dalam dikir barat tradisional awak-awak duduk bersila di dalam satu bulatan bagi memantapkan nada dan kenyaringan suara dan menampakkan kecantikan gerak tangan, namun demikian pada persembahan moden awak-awak duduk secara berbaris dalam dua saf mengikut kesesuaian pentas persembahan.

iv. Pemuzik pula terdiri daripada lima orang yang mengiringi persembahan. Mereka bermain alat muzik yang terdiri daripada satu

Rebana Ibu, satu Rebana Anak, satu Tetawak, satu Gong dan satu Maracas. Irama muzik adalah mengikut lagu yang dibawa oleh juara dan tukang karut.

v. Tukang nyanyi atau penyanyi dalam dikir barat telah muncul pada awal tahun 1970-an apabila beberapa orang penyanyi wanita turut menyertai persembahan dikir barat sebagai selingan apabila kedua-dua kumpulan yang berlawanan berhenti rehat. Apabila masuk tahun 80-an tugas menyanyi selingan turut dimainkan oleh tukang karut dan juga tok juara. Lagu-lagu yang dibawa merupakan ciptaan mereka sendiri tetapi menggunakan melodi atau irama lagu popular yang sedia ada



samada irama hindustan, padang pasir ataupun lagu irama Melayu sendiri. Antara penyanyi yang terkenal pada awal tahun 1970-an ialah Che Esah Sayonara, Faridah Bobby, Rohaya Bobby, Sakinah dan Maznah.

Persembahan dikir barat secara tradisional biasanya dipersembahkan atas bangsal buluh yang dibina khas sama ada di tengah sawah padi selepas musim menuai atau di atas padang, sekelilingnya dipagar dengan guni padi atau guni gula supaya terlindung dan penonton perlu membeli tiket untuk masuk menonton persembahan tersebut. Kadar tiket untuk orang dewasa pada era 70-an adalah tiga ringgit manakala bagi kanak-kanak sekolah ialah seringgit .Walau bagaimanapun kadar tiket akan meningkat mengikut peredaran zaman. Hasil kutipan tiket digunakan untuk urusan pentadbiran dan bayaran kepada kumpulan dikir barat . Bagi pertunjukan percuma kepada penonton biasanya dijemput oleh tuan rumah atau penganjur untuk majlis-majlis perkahwinan, berkhatan dan menyambut perayaan atau pembesar negeri. Segala perbelanjaan akan ditanggung oleh penganjur tersebut. Kebiasaanya waktu persembahan akan bermula jam 10.00 malam dan berakhir hingga jam 3.00 pagi .



1.2. Pernyataan Masalah

Penyelidikan ini mengkaji dan melihat unsur – unsur estetika sastera serta nilai dan norma masyarakat Melayu dalam persembahan dikir barat khususnya dalam lagu – lagu nyanyian dikir barat oleh Halim Yazid yang merupakan seorang penyanyi dikir barat yang popular masa kini. Keindahan seni dikir barat bukan sahaja terletak pada pantun dan syair yang dibawa oleh juara dan tukang karut dan penyanyinya tetapi nilai ilmu dan keindahan genre yang diketengahkan .

Terdapat banyak unsur - unsur sastera dalam persembahan dikir barat yang belum lagi diselidiki secara mendalam dan ini perlu dibuat bagi memastikan dikir barat terus menjadi sebahagian dari sumber sastera dalam seni bagi memperkasakan budaya Melayu dan nilai norma yang terangkum di dalamnya. Malangnya dikir barat kini semakin terhakis sifat kesusasteraannya dan terpengaruh dengan lagu-lagu moden yang kurang mempunyai unsur-unsur keindahan dan pendidikan ke arah pemantapan nilai dan budaya Melayu. Terdapat juga dikir barat yang berunsur lucah dan propaganda. Dikir barat merupakan sebahagian daripada alat untuk mendidik masyarakat yang berbudaya luhur, berbudi bahasa dan mempunyai jati diri selain dari fungsinya sebagai hiburan yang berinformasi dan berhemah.

Dari aspek komuniti, dikir barat boleh dijadikan contoh dalam bentuk hirarki kepimpinan, kesepaduan, ketaatan dan kekeluargaan melalui cara bagaimana ia berfungsi di dalam persembahan. Pada masa kini dikir barat terpaksa bersaing dengan lagu – lagu moden dan kurang mendapat perhatian golongan remaja. Hal ini juga disebabkan oleh perkembangan teknologi internet dan kekangan daripada pihak penguatkuasa yang memerlukan pelbagai syarat sebelum sesuatu persembahan dikir barat dapat dilaksanakan. Perubahan masa juga menyebabkan bentuk persembahan telah berubah dari kedudukan persembahan dalam bentuk bulatan kepada bentuk dalam barisan. Ini akan menyebabkan fungsi dan estetika dikir barat akan hilang serinya. Nilai pengajaran dalam dikir barat adalah secara langsung kerana bahasanya amat mudah difahami dan iramanya amat menarik dan senang untuk diingati. Melalui dikir barat juga, para pendengar akan dapat menilai dan berfikir secara matang dengan menilai perkara – perkara yang baik atau yang buruk melalui pantun dan lagu yang disampaikan. Melalui dikir barat juga pendengar boleh meningkatkan penguasaan rohani dan intelek yang mana jiwa dan pemikiran berjalan seiring. Apabila jiwa merasa, akal akan berfikir secara objektif.

Lagu-lagu dikir barat yang dipersembahkan oleh Halim Yazid mempunyai keindahannya yang tersendiri dan mampu menarik minat yang luar biasa dalam kalangan penontonnya yang majoriti terdiri daripada golongan pelajar sekolah rendah hingga menengah, dari penuntut universiti hingga ke golongan cendekiawan. Kejayaan Halim Yazid menembusi pasaran dikir barat hingga ke Singapura, Thailand, Jepun, Perancis membuktikan persembahan beliau ada kelebihan tersendiri melalui irama tradisional Melayu yang penuh kelembutan sopan – santun. Halim Yazid juga pernah mengadakan konsert secara solo tanpa henti selama tiga jam di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia. Keindahan lagu – lagu Halim Yazid dapat dilihat dari aspek moral, motivasi, autobiografi, sejarah, jatidiri dan kasih - sayang dan rasa tanggungjawab sebagai seorang suami, ayah, anak, guru dan sesama manusia. Kisah – kisah pengalaman dirinya mengupas tentang persoalan sikap manusia yang pelbagai seperti penghinaan terhadap orang miskin, sikap berpura-pura, lupa diri dan sebagainya. Fungsi utama lagu-lagu Halim Yazid bukanlah berorientasikan hiburan tetapi lebih kepada unsur – unsur pendidikan, pengajaran dan teguran membina kepada penonton cukup menarik minat pengkaji untuk menyelidik dan mengupasnya.

1.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk melihat apakah estetika, simbolik dan kelainan yang tersembunyi dalam sesebuah dikir barat dan lagu – lagu dikir Halim Yazid, kerana dalam budaya Melayu terdapat banyak unsur – unsur dedaktik dan sindiran sebagai teguran kepada masyarakat. Kajian juga akan melihat apakah peranan hirarki dan elemen – elemen yang ada di dalam dikir barat dan kesannya kepada penonton kerana kebanyakan generasi masa kini kurang didedahkan dengan persembahan dikir barat secara tradisional yang kaya estetikanya iaitu dikir barat yang menggambarkan sebuah peradaban masyarakat Melayu.

Cara persembahannya cukup tertib dengan memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran penonton melalui karut perlahan. Secara simboliknya tetamu yang bertandang harus dihormati dan dimuliakan dalam masyarakat Melayu. Syair permulaanya cukup puitis yang dinyanyikan oleh Juara dengan tema yang jelas dapat menarik minat penonton untuk menantikan apakah kesudahannya, mampukah tukang karut menghuraikan tema dan menarik perhatian penonton berfikir. Secara simboliknya masyarakat Melayu akan melayan tetamunya dengan baik dengan percakapan yang berhemah dan menggembirakan tetamu agar rasa dihargai.

Lagu dalam dikir barat pula diumpamakan seperti kita menghidangkan air kepada tetamu yang datang, tidak terlalu manis dan tidak tawar atau terlalu pekat sehingga mendatangkan mudarat. Diakhir persembahan tukang karut menyanyikan lagu irama wau bulan yang penuh mendayu sebagai penutup sebagai tanda terima kasih dan ucapan agar akan ada lagi pertemuan yang berikutnya. Simboliknya layanan masyarakat terhadap tetamunya menyebabkan mereka terasa berat untuk berpisah atau pulang dan berhajat untuk berkunjung lagi pada masa akan datang. Dikir barat umpama sebuah penceritaan yang berterusan dan lengkap oleh penglipurlara dan menggambarkan situasi adab-sopan masyarakat Melayu.

Dari aspek sosiologi masyarakat Melayu hidup secara bersatu – padu dan bergotong – royong di bawah naungan seorang pemimpin dan disokong oleh rakyatnya yang mempunyai peranan masing – masing. Rakyat mempunyai hak yang mutlak untuk memilih dan menyingkirkan pemimpin, justeru pemimpin perlu mempunyai arahan yang jelas dan membawa rakyat ke arah kebaikan agar rakyat akan patuh. Dalam sesebuah komuniti juga akan ada golongan yang bertugas menjaga keharmonian kehidupan masyarakat agar selesa dan selamat.

Dalam dikir barat unsur sosiologi ini ditunjukkan melalui watak Tok Juara yang bertugas sebagai penghulu, tukang karut sebagai imam atau orang yang dihormati, awak-awak sebagai rakyat dan pemuzik sebagai hulubalang yang menjaga sempadan kampung. Sebagai pemimpin, juara dan tukang karut perlu menyebut dengan jelas pantun dan syairnya agar dapat dengar dan diikuti oleh awak-awak. Awak-awak pula harus menyebut apa yang dikatakan oleh juara dan tukang karut mengikut iringan muzik agar tidak sumbang atau melanggar sempadan. Kekuatan masyarakat Melayu dan kumpulan dikir barat adalah sama konsepnya iaitu kepatuhan terhadap norma dan keserasian hidup dalam bentuk kerjasama, bersatu padu dan kasih-sayang. Kedudukan awak – awak dalam bentuk bulatan adalah gambaran kepada kesepaduan dan kemuafakatan dalam masyarakat Melayu.

Kajian juga akan tertumpu kepada lirik-lirik atau pantun dan syair yang ada dalam lagu-lagu Halim Yazid, mempunyai nilai-nilai sastera dan ada unsur – unsur keindahan. Terdapat unsur – unsur pengajaran dan motivasi yang boleh diambil oleh penonton yang menyaksikan atau mendengar persembahannya kerana pada masa kini dikir barat telah maju setapak lagi dengan adanya penerbitan melalui kaset dan cakera padat.

Sebagai satu dari warisan kesenian Melayu, dikir barat sememangnya banyak unsur – unsur jati diri dan nilai ilmu yang telah diketengahkan . Dikir barat juga sebagai alat komunikasi yang menyampaikan maklumat dan sesuatu informasi terkini atau kempen kesedaran oleh pihak yang berkenaan. Kewujudannya juga dapat memperkukuhkan identiti budaya dan seni bagi negeri pendukungnya.

1.4 Objektif Kajian

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun  PustakaTBainun  ptbupsi

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat nilai-nilai estetika dalam

persembahan dikir barat yang menggambarkan sosiologi budaya Melayu melalui keindahan senikata lagu-lagunya kerana terdapatnya penerapan unsur-unsur didaktik dan pengajaran yang memperkasakan nilai dan norma masyarakat Melayu melalui dikir barat. Huraian kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk:

- 1.4.1 menghuraikan simbolik yang ada dalam persembahan dikir barat yang mempunyai nilai-norma budaya masyarakat Melayu.
- 1.4.2 melihat unsur -unsur sastera tradisional dalam lagu-lagu dikir barat yang dipersembahkan secara langsung dan melalui pemerhatian dan mengkaji dari rakaman video atau kaset.



- 1.4.3 mengkaji unsur - unsur didaktik dan pengajaran yang disampaikan dalam bentuk pantun dan lagu dikir barat, melihat fungsi dikir barat sebagai alat motivasi dan nasihat kepada penonton khususnya golongan kanak-kanak dan remaja.
- 1.4.4 mengkaji unsur – unsur sastera moden dalam dikir barat khususnya sajak dan biografi.
- 1.4.5 Melihat nilai –nilai ilmu yang diketengahkan oleh pengarang atau pendikir kepada masyarakat melalui karya ciptanya

1.5 Batasan Kajian



Kajian ini membataskan kepada lagu-lagu dikir barat yang dirakamkan dalam lima buah kaset yang dinyanyikan oleh Halim Yazid, seorang pendikir generasi moden era tahun 2000 yang mempunyai pendidikan peringkat universiti. Dalam kaset tersebut pengkaji akan mengupas tentang estetika yang terdapat dalam 51 buah lirik lagu. Dalam lirik-lirik tersebut, terdapat 46 buah lagu berbentuk nyanyian dan tiga buah lagu dalam bentuk karut dan dua lagu dalam bentuk juara.



Kajian juga akan ditumpukan dengan mengkaji estetika dari aspek – aspek berikut:

1.5.1 Melihat nilai dan norma budaya Melayu yang penuh dengan nilai-nilai budi bahasa, sikap jati diri, kelembutan tutur kata, kasih sayang sama ada kepada ibu-bapa, kepada anak-anak mahupun kepada isteri, suami dan kekasih, nilai-nilai kepatuhan kepada pemimpin sama ada pemimpin peringkat keluarga mahupun pemimpin peringkat masyarakat. Terdapat juga nilai masyarakat Melayu yang negatif yang turut di ceritakan dalam kaset kajian seperti pemimpin yang tamak haloba dan tidak jujur dalam pemerintahannya. Nilai cintakan kepada kedamaian, keindahan alam sekitar, kebersihan, semangat patriotisme kepada bangsa dan negara.

1.5.2 Meneliti unsur – unsur sastera tradisional yang terdapat dalam lagu-lagu dikir barat Halim Yazid, iaitu melihat pemikiran beliau dalam penciptaan pantun yang penuh keputisan, syair dan seloka yang cukup menyentuh perasaan walaupun diungkapkan dalam nada selamba dan kelucuan. Karyanya mempunyai maksud yang amat mendalam untuk dihayati. Lagu Halim Yazid juga mengenengahkan konsep penglipurlara dan cerita berbingkai. Beliau juga menghuraikan cerita – cerita sejarah dan lagenda yang penuh patriotisme.

1.5.3 Mengkaji unsur - unsur sastera moden yang terdapat dalam lagu-lagu Halim Yazid. Ia boleh dikesan melalui penggunaan bahasa dan kaedah penyampaian. Contoh, lagu yang diambil dari dua buah sajak ciptaan Prof. Dato Dr. Hashim Yaacob mantan Naib Canselor Universiti Malaya. Kisah kehidupan beliau telah dinyatakan melalui lagu dalam bentuk autobiografi dan pengkisahan .

1.5.4 Melihat unsur – unsur didaktik dan pengajaran dalam lagu-lagu Halim Yazid amat banyak untuk dikaji dan dihuraikan kerana ianya cukup simbolik. Lagu Halim Yazid berfungsi sebagai alat teguran kepada pemimpin dan masyarakat. Ia juga berfungsi sebagai alat atau bahan pendidikan dalam kesusasteraan Melayu. Kisah-kisah yang dipaparkan dapat memberi satu teladan kepada pelajar-pelajar dan golongan remaja yang menghayatinya.

1.5.5 Mengkaji fungsi lagu dikir barat Halim Yazid sebagai sebagai bahan motivasi kepada golongan pelajar. Ia dapat dilihat apabila beliau menceritakan kisah-kisah kehidupannya dalam bentuk biografi. Ia menceritakan bagaimana kehidupan beliau semasa kecil yang penuh dengan kesusahan sehinggalah beliau berjaya menjadi seorang pegawai apabila beliau berjaya mengharungi kesusahan tersebut dan akhirnya berjaya menjadi seorang graduan Universiti Malaya.

1.5.6 Unsur-unsur keindahan bahasa merupakan satu elemen penting dalam penciptaan sesebuah karya. Ia mampu memberi kesan yang cukup mendalam apabila diolah sebegitu rupa selain menimbulkan kesan puitis dan simbolis. Kajian ini turut mengkaji tentang keindahan bahasa tersebut dari sudut stilistik dalam lirik lagu-lagu Halim Yazid.

1.6 Definisi istilah

Definisi ini adalah untuk memberikan pemahaman yang lebih jelas lagi tentang tajuk yang dibincangkan dan memberi fokus kepada maksud kajian, maka satu definisi harus difahami dengan teliti. Ia dapat diutarakan melalui beberapa maksud istilah – istilah utama pada tajuk kajian. Antara konsep yang perlu diteliti dan difahami betul – betul ialah:

1.6.1 Estetika

Estetika ialah unsur-unsur keindahan yang terdapat dalam sesuatu karya. *Kamus Dewan* edisi keempat mendefinisikan sebagai cabang falsafah yang mengkaji konsep berkaitan dengan keindahan, citarasa, dan lain-lain (2005 : 401). Justeru keberkesanan sesebuah karya dalam menarik perhatian penonton adalah bergantung kepada kecekapan pengarang memasukkan unsur - unsur estetik dalam hasil ciptaannya. Nilai estetik ini adalah subjektif kerana mempunyai kaitan dengan perasaan manusia, ia juga bergantung kepada keupayaan dan kebijaksanaan pengarang memanipulasikan bahasa ketika menulis karya.

Nilai estetik sesebuah karya juga ditentukan oleh arah kepenggunaan bahasa dalam sesebuah karya atau teks kesusasteraan yang dikenali sebagai '*autonomy of the aesthetic*', iaitu kuasa sendiri yang menghalal dan mengesahkannya atas nama estetik yang seolah-olah linguistik tidak boleh campurtangan khususnya dalam pengucapan bahasa kesusasteraan yang ditandai dengan kesenian (Nik Hassan Basri Nik Kadir, 2005: 144). Ia bermaksud pengarang bebas menggunakan medium bahasanya tersendiri tanpa terikat dengan hukum bahasa apabila mengarang bagi menghasilkan karya yang betul-betul indah dari segi liriknya. Oleh itu estetika ialah bagaimana pengkaji memberi erti dan menanggapi atau menghayati sesuatu yang patut dihayati dan nilai keindahan tersebut berbeza antara pengkaji dengan pengkaji yang lain.

Mengikut S. Othman Kelantan dalam Syed Ahmad Syed Kasim dan Wan Ahmad Ismail (1997:34) menyatakan bahawa estetika itu adalah sesuatu yang berhubung dengan keindahan atau *beautiful*, iaitu menggunakan estetika sebagai satu ilmu untuk mengkaji sesuatu perkara yang berhubung dengan keindahan. Oleh sebab keindahan itu luas maknanya, maka dihubungkan juga dengan falsafah, etika dan sesuatu karya yang mementingkan keindahan. Dalam bidang estetika, kita juga mengkaji sifat-sifat seni atau *the nature of arts* , termasuk penciptaan seni, bagaimana proses ciptaan seni itu maka ia menjadi hasil seni (A.Wahab Ali, 2000: 76). Hal ini menunjukkan bahawa dalam menilai keindahan sesuatu karya pengkaji perlu juga mengkaji kenapa dan bagaimana sesuatu karya tersebut dicipta dan apakah situasi penciptaannya kerana sesuatu karya cipta adalah untuk dihayati dan mempunyai motifnya yang tersendiri walaupun kemungkinan pengkaji menelaah dari sudut yang berbeza dari apa yang sebenarnya ingin disampaikan oleh pengkarya tetapi karya tersebut masih dilihat mempunyai estetikanya.



1.6.2 Lirik lagu

Susunan bahasa atau senikata dalam sesebuah lagu dinamakan lirik. Menurut Abd. Rahman Abd. Rashid dan rakan-rakan dalam *Kamus Teras Sastera* (2003 : 59) menyebut, lirik merupakan sajak yang berupa susunan kata-kata untuk sebuah nyanyian atau karya sastera yang mengandungi curahan perasaan peribadi seseorang, iaitu karya yang mementingkan lukisan perasaan atau emosi. Lirik bukan sahaja terikat dalam bentuk sajak semata-mata tetapi ada yang berbentuk syair dan pantun. Ia mempunyai unsur-unsur subjektiviti, imaginasi, melodi dan emosi.



Pengucapan lirik boleh dikategorikan sebagai soneta, oda, balada, elegi berdasarkan bentuk, persoalan dan mood lirik tersebut. Lirik dicipta untuk dinyanyikan, lantaran bentuknya penuh berirama, bermelodi dan mengandungi unsur-unsur emosi penyair atau penciptanya, *Ensiklopedia Malaysiana* (1996:47) . Manakala lagu pula irama suara, nyanyian, percakapan, atau gubahan muzik yang biasanya dengan senikata atau nyanyian atau memperdengarkan lagu-lagu yang dinyanyikan secara turun-temurun, *Kamus Dewan edisi keempat* (2002:744). Sebagai kesimpulannya lirik lagu ialah senikata atau seni bahasa yang ditulis atau dikarang untuk dinyanyikan secara irama dan melodi.



1.6.3 Dikir barat

Dikir barat ialah bentuk persembahan kesenian yang amat popular di Negeri Kelantan. Ianya dipersembahkan dalam bentuk kumpulan yang dianggotai oleh tukang juara, tukang karut, awak-awak dan pemuzik. Dikir barat biasanya dipersembahkan pada waktu malam. Mediumnya ialah pantun, syair, gurindam, seloka dan cerita rakyat. Permainan dikir barat adalah teater tradisional yang paling digemari oleh masyarakat Melayu di Kelantan dan Pattani. Di dalam persembahan dikir barat terdapat dua kumpulan yang diketuai oleh seorang juara dan tukang karut. Mereka akan berbalas pantun dan diikuti oleh awak-awak yang bersuara kuat dan lantang (Ghazali Abdullah, 1995 : 43).

Dikir barat mengikut Kamus Dewan edisi keempat ialah lagu atau nyanyian beramai-ramai sambil berbalas pantun (2005 : 351). Perkataan dikir adalah berasal dari perkataan Arab iaitu Dzikir yang merupakan nyanyian rakyat di beberapa daerah negara tersebut. Kamus Dewan edisi keempat pula mengatakan dikir sebagai ucapan puji-pujian terhadap rasul atau ucapan dengan berlagu atau nyanyian beramai-ramai sambil berbalas pantun (2003 : 304) tetapi *Ensiklopedia Malaysiana* lebih tepat mengatakan dikir barat ialah dikir karut yang diucapkan secara beramai – ramai dengan suara yang kuat dan mempunyai irama tertentu, manakala barat pula merujuk negeri Thai bagi orang-orang Kelantan (1996: 179).

1.6.4 Nilai dan Norma

Nilai ialah merujuk kepada harga atau benda yang berharga ataupun mutu taraf atau boleh merujuk kepada sesuatu perkara yang positif dan terpuji yang boleh diambil sebagai teladan kepada orang yang melihat atau mendengarnya. *Kamus Dewan* edisi keempat pula memberi maksud sifat ketinggian. Zainal Kling (1978) pula berpendapat nilai itu pada asasnya merupakan ‘*worthwhileness*’ yang mempengaruhi corak pilihan terhadap bentuk alat dan matlamat tindakan.

Nilai dianggap sebagai prinsip asas dan pusat dari segala kegiatan budaya sehingga ia dapat mencapai tingkat mulia dan berkuasa dalam masyarakat. Masyarakat Melayu juga kaya dengan sifat – sifat yang baik dan berbudi bahasa, terkenal dengan nilai merendah diri yang memperkayakan lagi budi bahasa mereka. Sifat merendah diri ini dijemakan dalam semua bidang kehidupan seperti tutur kata, pakaian, dan semua tindakan. (Mustafa Hj. Daud, 1995 31).

Norma pula ialah kebiasaan atau perlakuan budaya yang menjadi ikutan serta amalan harian secara berterusan bagi individu dalam sesebuah masyarakat yang dikaitkan dengan unsur positif dan diamalkan secara turun temurun. Mengikut pendapat H.M. Dahlan, (1978) norma ialah sebagai satu faktor sosial yang mengandungi kuasa dan tekanan paksa ke atas anggota masyarakat. Sifatnya begitu menyeluruh dan tersebar luas dalam masyarakat berkenaan hatta ia tegas wujud sebagai satu representasi kolektif bagi masyarakat itu.

Kamus Dewan edisi keempat pula mendefinisikannya sebagai ukuran untuk menentukan sesuatu atau peraturan atau ketentuan yang telah menjadi kebiasaan yang dijangka akan dipatuhi oleh setiap anggota masyarakat. Perlakuan yang dianggap satu kebiasaan atau kelaziman dalam masyarakat juga dikatakan sebagai norma apabila anggota – anggota masyarakatnya mempelajari tentang budaya mereka dan berusaha menyesuaikan dengan perlakuan-perlakuan yang dapat diterima bersama dalam kelompoknya. Ianya berasaskan norma-norma sosial yang bersesuaian dengan kehendak nilai. Norma yang diamalkan ini lama-kelamaan menjadi kebiasaan dan cukup berharga atau bernilai dan akhirnya menjadi ikutan atau budaya sesuatu kelompok masyarakat tersebut dan dianggap positif dan berguna kepada mereka, merujuk kepada perlakuan moral dan etika.

1.6.5 Budaya Melayu

Budaya Melayu pula merujuk kepada keseluruhan cara hidup dan kebiasaan bagi bangsa melayu yang menganut, mengamalkan ajaran Islam, berbahasa Melayu dan merupakan penduduk peribumi yang terbesar di Malaysia. Budaya merangkumi pemikiran dan nilai budi, ketamadunan lagi budiman iaitu berbudi dan beriman. *Kamus Dewan Edisi Keempat* mendefinisikan budaya sebagai tamadun atau peradaban, kemajuan fikiran, akal budi dan Melayu sebagai nama



suatu bangsa dan bahasa. Harun Jaafar berpendapat, kebudayaan ialah cara berfikir dan merasa, serta menyatakan diri dalam seluruh segi kehidupan sekelompok manusia yang membentuk masyarakat, dalam suatu ruang dan suatu waktu. (2004 : 3).

Dengan kata lain budaya Melayu merujuk kepada pengucapan samada lisan atau tulisan, pola perlakuan, simbol, etos, pemikiran, tabiat, sikap, gaya hidup, peraturan, institusi dan bahan atau benda yang ketara atau tak ketara yang menjadi amalan atau aturan atau kebiasaan bagi orang-orang Melayu. Wan Hashim Wan Teh, (2000) berpendapat bahawa sebahagian budaya orang Melayu telahpun menjadi budaya nasional milik sepunya oleh kaum – kaum lain juga.



Tiga akar tunjang dalam kehidupan orang-orang Melayu ialah bahasa, agama dan budi pekerti serta adat resam yang masih kekal dan kukuh dipertahankan. Dalam hal ini juga Zainal Abidin Borhan, (1996) berpendapat bahawa wadah yang mengikat struktur dalaman budaya Melayu ialah adat Melayu dan agama Islam, wadah yang integritif ini dapat dilihat secara luaran melalui Perlembagaan Malaysia tentang definisi Melayu yang bergabung dengan bahasa Melayu dan sinonim dengan Islam.

Dengan kata lain kebudayaan Melayu merupakan kebudayaan yang diamalkan oleh orang-orang Melayu yang bahasa pengantarnya bahasa Melayu dan beragama Islam. Sidek Fadzil, (1995) juga mempunyai pandangan yang sama iaitu beliau menyatakan bahawa nilai-nilai pendorong dalam konteks umat



Melayu tidak lain dari amalan nilai-nilai Islam, sejauh mana keupayaan umat Melayu melakukan lonjakan bergantung kepada nilai-nilai tersebut. Ini bermakna nilai dan norma yang diamalkan oleh masyarakat Melayu hendaklah tidak bersalahan dengan hukum Islam namun demikian mana-mana perlakuan budaya lain yang tidak bercanggah dengan hukum Islam boleh diamalkan oleh masyarakat Melayu dan menjadi sebahagian budaya sampingan bagi mereka.

1.7 Kesimpulan

Dikir barat bukan semata-mata sebagai alat hiburan sahaja tetapi masyarakat perlu melihat aspek yang lebih jauh lagi agar ianya dapat memberi manafaat dan impak yang besar terhadap nilai-nilai budaya yang diketengahkan kerana di dalam kesenian itu terangkum wacana budaya sesuatu masyarakat manakala dalam kebudayaan pula terpancar unsur-unsur kesenian yang dikatakan indah dan estatik.

Dalam konteks dikir barat, pengkarya, pendukung dan pendengar mempunyai perkaitan yang amat rapat kerana mereka tergolong dalam satu kelompok manusia yang saling memerlukan. Pendengar atau penonton memerlukan hiburan sebagai melepaskan penat lelah bekerja seharian manakala pengkarya dan pendukung mempunyai tugas sebagai penghibur sekaligus sebagai



pengkritik kepada sistem dan nilai sosial masyarakat. Sehubungan dengan itu karya-karya yang dihasilkan melalui lirik pantun, syair dan lagu perlu mempunyai nilai moral yang tinggi kerana ia berfungsi sebagai bahan pengajaran dan pendidikan kepada masyarakat.

Ilmu dan pengalaman merupakan unsur yang penting dalam menghasilkan karya yang baik walaupun dalam dikir barat liriknya adalah secara spontan. Pengkarya juga perlu menghasilkan karya yang mempunyai nilai seni yang tinggi dengan menerapkan unsur-unsur keindahan dan interaksi alam, mereka juga perlu berpaksi kepada budaya Melayu iaitu berteraskan agama Islam kerana mereka merupakan orang-orang Melayu dan hidup dalam masyarakat Melayu yang menjadi penyokong kepada kegiatan seni mereka.

